

# Tasik Putrajaya, Mines sumber alternatif

» Guna sebagai pilihan jika paras air empangan capai tahap kritikal

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

► Sepang

**T**asik Putrajaya menjadi pilihan untuk membekalkan sumber air mentah bagi kegunaan penduduk Lembah Klang sekiranya paras air empangan mencapai tahap kritikal berikutan fenomena El Nino yang dijangka akhir bulan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata selain Tasik Putrajaya, beberapa tasik lain turut dipilih untuk tujuan itu, antaranya Tasik Mines di Seri Kembangan, Selangor.

Bagaimanapun, katanya, sum-

ber air tasik berkenaan hanya dipakai jika mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan bahawa ia selamat untuk diguna.

Katanya, sumber alternatif itu adalah antara cadangan yang akan dibentangkan dalam me-

syuarat pertama Jawatankuasa El Nino dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 30 Jun ini.

## Sumber air bawah tanah

“Selain tasik, kita juga berhasrat

menggunakan sumber air bawah tanah bagi menampung keperluan air, baik bagi kegunaan domestik atau industri, sekiranya bekalan terjejas.

“Jawatankuasa El Nino akan mendapatkan data paras air em-



**Mahdzir (kiri) mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tune Hotels, Mark Lankester (tengah) selepas melancarkan Tune Hotel di klia2, semalam.**  
[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

pangan di seluruh negara sebelum membuat keputusan mengennainya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Tune Hotel di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) di sini, semalam.

Ditanya kemungkinan catuan air diadakan lagi, Mahdzir berkata, pihaknya akan meminta penjelasan Jabatan Meteorologi mengenai perubahan monsun barat daya pada minggu kedua bulan depan.

Katanya, fenomena cuaca panas yang berlaku sejak minggu lalu bukan berpunca daripada El Nino tetapi disebabkan oleh monsun barat daya dari Lautan Hindi.

“Minggu kedua bulan depan, kita akan lihat sama ada monsun barat daya ini beralih daripada Lautan Hindi ke Lautan Pasifik. Jika berlaku, maka fenomena El Nino sudah melanda negara ini.

“Fenomena ini akan mengakibatkan cuaca panas berpanjangan serta memberi kesan besar pada negara terutama sektor domestik, pertanian, industri, jana kuasa elektrik dan kesihatan,” katanya.